



Ruj. Kami: SUKNS.(S)100-1/9/2 (44)

Tarikh : 24 Mei 2021

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan,

ARAHAN PENGOPERASIAN PEJABAT KERAJAAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0 DIPERKETATKAN

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Berdasarkan situasi semasa peningkatan penularan wabak Covid-19, YB Menteri Kanan Pertahanan telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 dengan beberapa sekatan yang lebih ketat.
3. Sehubungan dengan itu, perkhidmatan di pejabat Kerajaan hendaklah dibuat secara hibrid melalui keberadaan di pejabat dan Bekerja Dari Rumah (BDR) menggunakan pendekatan seperti berikut:
 - 3.1 Kehadiran ke pejabat pada tahap 20% keseluruhan dan 80% secara BDR dengan penggiliran **bagi pejabat yang boleh beroperasi dengan 80% secara BDR**.
 - 3.2 Kehadiran ke pejabat hanya bagi proses kerja yang tidak boleh dilaksanakan secara BDR dan memerlukan keberadaan di pejabat atau di lapangan/lokasi berkaitan.
 - 3.3 Mesyuarat dan perbincangan dilaksanakan secara dalam talian melalui medium yang selamat dan terjamin kerahsiaan; dan
 - 3.4 Perkhidmatan kaunter hanya dibuka pada tahan 50% sahaja. Pelanggan digalakkan membuat pembayaran atau mendapatkan perkhidmatan melalui atas talian. Pelanggan yang memerlukan perkhidmatan di kaunter digalakkan membuat temujanji terlebih dahulu.

4. Kehadiran pegawai ke pejabat adalah dikawal oleh Ketua Jabatan masing-masing bagi memastikan penyampaian perkhidmatan tidak terjejas dan berterusan dapat dicapai oleh pelanggan. Piagam pelanggan dan KPI jabatan hendaklah sentiasa dipatuhi seperti pembayaran perolehan kerajaan dalam tempoh 14 hari dan lain-lain yang berkaitan. Adalah diingatkan bahawa pegawai yang diarahkan atau dibenarkan BDR mestilah:

- i) sentiasa berada di rumah dalam tempoh waktu bekerja yang ditetapkan oleh Kerajaan;
- ii) sentiasa bersedia sekiranya diarah oleh Ketua Jabatan untuk hadir ke pejabat atau mana-mana lokasi lain; dan
- iii) memastikan sentiasa boleh dihubungi dalam tempoh waktu bekerja.

5. Sehubungan dengan itu, Ketua Jabatan boleh menetapkan kaedah pemantauan masing-masing dalam memastikan serta menyemak keberadaan pegawai-pegawai di pejabat, rumah atau mana-mana lokasi yang telah diarahkan. Ketua Jabatan hendaklah memastikan semua pegawai sama ada yang bertugas di pejabat atau pun bertugas secara BDR mempunyai tugas yang seimbang seperti mana lazim. Semua tugas yang diberi perlu mempunyai output atau keperluan pencapaian yang jelas untuk memudahkan urusan pemantauan. Selain itu, bagi mengoptimumkan pengurusan sumber manusia, Ketua Jabatan hendaklah mempertimbangkan penugasan semula jawatan-jawatan yang tidak sesuai dibuat secara BDR seperti pemandu kenderaan, pembantu operasi dan lain-lain yang berkaitan, dengan memberi peranan/tugas baru semasa BDR.

6. Pegawai yang telah diarahkan BDR dan didapati melanggar ketetapan yang dinyatakan di para 4, Ketua Jabatan boleh mengambil tindakan tatatertib ke atas mereka kerana ingkar perintah selaras dengan Peraturan-peraturan Pegawai Awam Negeri Sembilan (Kelakuan dan Tatatertib) 2006. Selain itu, mana-mana pegawai yang melanggar peraturan atau undang-undang dan dikenakan hukuman oleh mahkamah atau dikenakan kompaun oleh pihak berkuasa kerana melanggar Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), tindakan tatatertib boleh juga diambil ke atas mereka kerana kesalahan mencemarkan nama baik Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan. Pegawai yang diarahkan BDR wajib untuk memastikan kesediaan BDR di rumah seperti talian internet, komputer dan fail-fail berkaitan berada di tahap optimum.

7. Sebagai langkah berterusan bagi pencegahan wabak COVID-19, Ketua Jabatan hendaklah sentiasa memastikan pematuhan sepenuhnya kepada semua *Standard Operating Prosedur (SOP)*, peraturan, garis panduan dan surat edaran yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

8. Arahan ini juga diperpanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“BERSIH. MUAFAKAT. SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. RAZALI BIN AB MALIK)

Setiausaha Kerajaan

Negeri Sembilan Darul Khusus